

## ASEAN SEBAGAI BATU LONCATAN DALAM KEDINAMIKAN HUBUNGAN BILATERAL MALAYSIA TERHADAP CHINA

(ASEAN AS A CATALYST IN MALAYSIA-CHINA RELATIONS)

RIDZUAN, M. I. M.<sup>1</sup> – SAGENA, U. W.<sup>2</sup> – MARWAN, N. H.<sup>3</sup> – RAFIQA, A.<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Program Hubungan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Program Hubungan Antarabangsa, Universiti Mulawarman, Kalimantan Timur, Indonesia.*

<sup>3</sup> *Program Hubungan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sarawak, Sarawak, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: azierafiqa[at]gmail.com*

(Received 28<sup>th</sup> January 2026; revised 18<sup>th</sup> April 2026; accepted 23<sup>rd</sup> April 2026)

**Abstrak.** Makalah ini menganalisis peranan ASEAN sebagai batu loncatan strategik dalam membentuk dan mendinamikan hubungan bilateral Malaysia–China dalam konteks persaingan kuasa besar dan ketidakpastian sistem antarabangsa. Sebagai sebuah negara kecil, Malaysia berhadapan dengan dilema keselamatan, tekanan geopolitik serta keperluan untuk mengekalkan kedaulatan dan kepentingan nasional. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen dan analisis trajektori hubungan antarabangsa bagi menelusuri empat fasa utama hubungan Malaysia–China, iaitu era permusuhan, era normalisasi, era pragmatisme dan kewaspadaan politik, serta era pengukuhan kerjasama strategik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ASEAN berfungsi sebagai mekanisme diplomasi kolektif yang membolehkan Malaysia mengimbangi pengaruh kuasa besar, mengurangkan risiko konflik, serta memaksimumkan manfaat politik dan ekonomi tanpa terperangkap dalam pakatan kekal. Melalui prinsip ASEAN Way dan inisiatif serantau seperti ZOPFAN, Treaty of Amity and Cooperation (TAC) dan East Asia Summit (EAS), Malaysia berjaya mengikat kuasa-kuasa besar agar bertindak selari dengan norma dan kepentingan serantau. Kesimpulannya, ASEAN bukan sahaja berperanan sebagai organisasi serantau, malah menjadi instrumen strategik yang signifikan dalam memastikan kelangsungan dasar luar Malaysia terhadap China secara seimbang, fleksibel dan berdaya tahan dalam persekitaran geopolitik yang sentiasa berubah.

**Katakunci:** *ASEAN, dasar luar, Malaysia, China, keselamatan rantau*

**Abstract.** This study examines ASEAN's function as a strategic catalyst in shaping and positioning Malaysia-China bilateral relations amid great power competition and heightened systemic uncertainty. Situated as a small state, Malaysia confronts security dilemmas, geopolitical pressures as well as the imperative to safeguard sovereignty and national interests. Employing a qualitative methodology grounded in document analysis and trajectory analysis of bilateral relations, the study outlines four principal phases in Malaysia-China relations which is an era of hostility, normalization, an era that characterized by pragmatism and political caution and the era of consolidated strategic cooperation. The findings indicate that ASEAN operates as a mechanism of collective diplomacy that enables Malaysia to balance great-power influence, mitigate the risk of conflict and optimize political and economic gains without being subsumed into enduring alignments. Through the operationalization of the ASEAN Way and regional instruments such as ZOPFAN, the Treaty of Amity and Cooperation (TAC) and the East Asia Summit (EAS), Malaysia has been able to anchor major powers to regional norms and interests. The study concludes that ASEAN transcends its role as a regional organization to function as a significant strategic instrument that sustains Malaysia's foreign policy toward China in a manner that is balanced, flexible and resilient within a dynamically evolving geopolitical environment.

**Keywords:** *ASEAN, foreign policy, Malaysia, China, regional security*

## Pengenalan

Asia Tenggara merupakan sebuah rantau yang dinamik dan sering terdedah kepada ancaman hasil daripada ketidak tentuan sistem politik antarabangsa yang bersifat anarki. Rantau Asia Tenggara menjadi medan persaingan kuasa-kuasa besar disebabkan kedudukan rantau Asia Tenggara yang terletak di tengah laluan utara dan selatan, peningkatan ekonomi yang mampan, kepelbagaian ideologi dan sumber buruh yang murah berbanding rantau yang lain. Bermula daripada era Perang Dingin yang memaksa setiap negara-negara kecil untuk 'leaning to one side' iaitu kuasa-kuasa besar memilih rakan sekutu untuk pengaruh dan kuasa manakala bagi negara-negara kecil memilih ketua yang dapat memenuhi keperluan dan kepentingan nasional mereka (Ridzuan dan Ma'dan, 2023; Ikhrum dan Iqbal, 2021). Dewasa ini dalam pembentukan tatacara baharu dunia sekali lagi rantau Asia Tenggara menjadi persaingan antara kuasa-kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan China. Situasi tersebut bermula pada tahun 2011 apabila buat pertama kalinya Amerika Syarikat menjalankan Asia Pivot terhadap rantau Asia Tenggara kerana pengaruh China yang semakin signifikan di rantau ini. Atas faktor tersebut bagi mengimbangi pengaruh Amerika Syarikat, China telah memperkenalkan inisiatif Jalan Sutera Baharu (OBOR) kemudian berubah kepada Belt and Road Initiative (BRI) pada 28 Mac 2015. Persaingan kedua-dua buah kuasa tersebut bukan sahaja melibatkan projek mega dan peluang ekonomi malah turut diperluaskan dalam aspek keselamatan nasional dan keselamatan siber seperti Perang Perdagangan, Perang Cip, Quad, NATO summit, krisis di Laut China Selatan dan sebagainya. Walaupun yang demikian keseimbangan ancaman tersebut turut mewujudkan peluang dan manfaat kepada negara-negara di rantau Asia Tenggara yang berpayung di bawah satu organisasi antarabangsa iaitu Association of Southeast Asian Nations atau lebih dikenali sebagai ASEAN. Menurut Henry Kissinger "there is no effective institution to manage these looming crises if they become open conflicts" (Acharya, 2023; Kissinger, 1987).

Malaysia sentiasa berwaspada dalam ruangan dasar luarnya dengan menjadikan ASEAN sebagai mekanisme diplomasi sejak era kemerdekaan. Hal ini penting dalam memaksimumkan manfaat, mengurangkan risiko dan mengelakkan terperangkap daripada persaingan kuasa-kuasa besar. Refleksi daripada itu, makalah ini dibahagikan kepada empat bahagian itu yang pertama era permusuhan Malaysia-China, kedua era normalisasi, ketiga era pragmatism dan kewaspadaan politik dan keempat ialah era pengukuhan kerjasama dan strategik.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### *Era permusuhan Malaysia-China*

Pasca kolonialisasi iaitu pada tahun 1947, telah menyaksikan perubahan dalam sistem antarabangsa apabila order antarabangsa terbahagi kepada dua proksi iaitu Amerika Syarikat (kapitalisme) dan Kesatuan Soviet (komunisme). Sekutu kuat kepada blok kapitalis terdiri daripada Britain dan Eropah Barat manakala Kesatuan Soviet pula terdiri daripada China dan Eropah Timur. Persaingan kedua-dua buah proksi ini telah menyebabkan ketidakseimbangan terhadap semua rantau lebih-lebih lagi di rantau Asia Tenggara. Hal ini kerana negara-negara kecil khususnya yang baharu merdeka mengadaptasi dasar badwagoning dengan memilih kuasa-kuasa besar untuk menjadi penaung mereka. China merupakan ancaman utama kepada Amerika Syarikat khususnya di rantau Asia Tenggara disebabkan oleh tiga faktor iaitu yang pertama ialah

kejayaan Parti Komunis China (PKC) dalam membentuk Republik Rakyat China (RRC) pada tahun 1949, inter alia antara China dengan Kesatuan Soviet dan kedudukan geografinya. Berdasarkan *Rajah 1*, China merupakan satu-satunya negara yang mempunyai jumlah bilangan negara jiran yang terbanyak dunia. Sebagai contoh di kawasan daratan sahaja China berjiran dengan 14 buah negara seperti Russia, Mongolia, Kazakhstan, Tajikistan, Afghanistan, Pakistan, India, Nepal, Bhutan, Myanmar, Laos dan Korea Utara manakala di kawasan sempadan lautan pula berjiran dengan 6 buah negara iaitu Jepun, Korea Selatan, Filipina, Indonesia, Brunei dan Malaysia. Secara tidak langsung ia akan menyebabkan negara-negara jiran terdedah kepada ancaman ideologi dan serangan komunis yang akan menyebabkan implikasi domino iaitu kejatuhan satu persatu negara-negara yang mengamalkan sistem kapitalis kepada sistem komunisme seperti yang berlaku terhadap Korea Utara dan Vietnam Utara.



*Rajah 1. Peta China.*

Amerika Syarikat tidak mahu China menjadi pusat penyebaran fahaman komunis dan penaung kepada negara-negara komunis di luar rantau Eropah. Disebabkan itu, Amerika Syarikat telah mengambil pendirian menjalankan dasar anti China dan anti komunis dengan memulaukan negara tersebut di arena antarabangsa. Kuasa hegemoni tersebut juga menggesa rakan-rakan sekutu mengaplikasikan dasar luar yang sama sebagai ganjaran mereka diberikan jaminan keselamatan, bantuan ekonomi dan politik. Kajian mendapati bahawa tindakan Amerika Syarikat bukan sahaja untuk mengimbangi pengaruh komunis kerana pada masa yang sama dapat mengukuhkan kuasa lunak kuasa hegemoni di rantau Asia Tenggara. Tindakan Amerika Syarikat terhadap China telah mempengaruhi penstrukturan dasar luar Malaysia. Selepas Perang Dunia Kedua, Amerika Syarikat muncul sebagai kuasa yang menggantikan British dalam aspek ekonomi dan ketenteraan. Refleksi daripada itu telah menyebabkan Malaysia mengambil keputusan menyokong fahaman kapitalis dan mengamalkan pendekatan dasar luar yang condong ke arah Barat. Daripada perspektif yang berbeza persaingan kuasa-kuasa besar menyebabkan Malaysia mengaplikasikan dasar yang berhati-hati kerana dasar berkecuali tidak relevan ketika era ini. Senario tersebut telah mewujudkan

zero sum game yang bermaksud sekiranya negara tersilap langkah akan memberikan impak negatif terhadap keselamatan nasional.

Selain itu, sokongan China terhadap Konfrontasi Indonesia dan Perang Vietnam juga merupakan antara faktor yang menyebabkan Malaysia tidak menjalinkan sebarang hubungan diplomatik dengan negara komunis tersebut. Pada tahun 1963, Presiden Liu Shaochi secara terang-terangan menyatakan sokongan kepada Jakarta ketika Subandrio iaitu Menteri Luar Indonesia mengadakan lawatan rasmi ke China. Sekembali Subandrio dari China, Indonesia telah melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia dengan melaungkan slogan Ganyang Malaysia pada 25 September 1963. Pada tahun yang sama juga, media-media China mula mengkritik penubuhan Malaysia dengan menyatakan bahawa Malaysia lahir sebagai produksi gabungan antara imperialisme Amerika Syarikat dengan kolonialisme Inggeris. Ketika Perang Vietnam pula, China telah memberikan bantuan kewangan sebanyak 320 juta Yuan, menghantar seramai 320 ribu orang tentera, 270 ribu senapang dan 2 juta jenis peluru kepada Vietnam. Peperangan tersebut telah membimbangkan Tunku sekiranya senjata-senjata tersebut jatuh ke tangan Parti Komunis Malaya (PKM) sudah pasti memberikan impak negatif terhadap keselamatan negara. Oleh hal yang demikian sokongan dan bantuan China terhadap Indonesia dan Vietnam telah membuktikan kuasa besar tersebut optimistik untuk mengimbangi kuasa-kuasa Barat dan memastikan kelangsungan negara-negara komunis. Situasi tersebut secara tidak langsung turut menunjukkan bahawa China ingin menjadi ketua kepada negara-negara komunis di rantau Asia Tenggara dan atas faktor tersebut menyebabkan Malaysia tidak percaya dan menjalinkan sebarang hubungan diplomatik dengan China. Walaupun yang demikian apabila wujudnya power vacuum di rantau Asia Tenggara telah menyebabkan Malaysia mula mengadaptasi dasar neutral dan menjalinkan hubungan dengan China.

### ***Era normalisasi Malaysia-China***

Pada tahun 1970 ketika era Tun Abdul Razak, sekali lagi menyaksikan perubahan dalam struktur antarabangsa. Pada penghujung tahun 1969, Amerika Syarikat telah mengaplikasikan Doktrin Guam iaitu mengundurkan tenteranya dari Vietnam, Singapura dan Malaysia ketika rantau Asia Tenggara masih bergelut memerangi gerakan insurgensi komunis. Keadaan diburukan lagi apabila Britain melakukan tindakan yang sama pada 1971 melalui Dasar Timur Suez. Tindakan kedua-dua buah kuasa penaung di rantau Asia Tenggara telah menyebabkan kelompangan kuasa di rantau tersebut dan secara tidak langsung Malaysia khususnya terdedah kepada ancaman komunis dalam negara iaitu OKM dan yang kedua ialah ancaman komunis daripada luar seperti Vietnam Utara, China dan Kesatuan Soviet. Kebimbangan utama adalah kepada China kerana jumlah tentera dan peningkatan teknologi senjata nuklear yang setanding dengan Kesatuan Soviet. Kebangkitan China sebagai salah sebuah kuasa yang meningkat naik tidak boleh diabaikan kerana turut memberikan impak kepada rantau. Fenomena tersebut menyebabkan Malaysia menstrukturkan semula dasar luar kerana dasar pro Barat tidak lagi relevan untuk diimplementasikan. Malaysia mengambil pendekatan dengan menjalankan dasar luar berbaik-baik dengan semua negara walaupun perbezaan ideologi. Tindakan tersebut penting dalam memastikan perkembangan ekonomi serta kedaulatan wilayah kerana pengalaman dijajah oleh British dan Jepun merupakan sebuah pengalaman yang perit untuk negara. Walaupun yang demikian terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Razak sebelum merealisasikan dasar luar yang bebas dan berkecuali kerana masih lagi berlaku

Perang Dingin antara Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China. Melalui peristiwa tersebut, pengkaji menghujahkan bahawa, Malaysia perlu menjalankan sebuah pendekatan yang ambivalen dan pragmatik supaya negara tidak terperangkap dengan persaingan kuasa-kuasa besar.

Dalam memastikan kejayaan dasar neutral, Malaysia tidak boleh mengaplikasikan sendiri sebaliknya perlu secara kolektif dengan negara-negara jiran dalam memastikan keseimbangan rantau dan kedaulatan negara. Oleh itu pada tahun 1971, lima buah negara ASEAN kecuali Brunei menyokong dan menandatangani pelan strategik tersebut ketika Deklarasi Kuala Lumpur iaitu Zon of Peace, Freedom and Neutrality (ZOPFAN). Kajian mendapati bahawa sokongan tersebut menandakan permulaan terhadap kerjasama melalui perkongsian satu dasar luar yang sama iaitu bebas daripada cengkaman dan pengaruh kuasa-kuasa besar (Marwan et al., 2017). Namun yang demikian, Malaysia tidak berjaya mendapat sokongan daripada Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet. Walaupun yang demikian, China merupakan kuasa besar yang pertama menyokong dan mengiktiraf ZOPFAN. Tindakan China menyambut baik ZOPFAN kerana seiring dengan matlamat Beijing iaitu mengamalkan dasar berkecuali terhadap konflik yang berlaku di peringkat global dan memberikan perhatian kepada hubungan ekonomi dan perdagangan. Pada tahun 1974 secara rasmi Malaysia menjalin hubungan normalisasi dengan China dan ia membuktikan bahawa selain daripada dasar neutral, Malaysia tidak lagi mengasingkan Beijing dalam politik antarabangsa. Malaysia turut menyakinkan negara-negara jiran mengambil tindakan seperti Malaysia untuk kepentingan serantau. Hubungan normalisasi negara-negara di rantau Asia Tenggara seperti *Jadual 1*.

**Jadual 1.** Hubungan normalisasi negara ASEAN dengan China.

Negara	Ahli ASEAN	Hubungan diplomatik dengan China
Malaysia	8 Ogos 1967 (Pengasas)	31 Mei 1974
Filipina	8 Ogos 1967 (Pengasas)	9 Jun 1975
Thailand	8 Ogos 1967 (Pengasas)	1 Julai 1975
Indonesia	8 Ogos 1967 (Pengasas)	8 Ogos 1990
Singapura	8 Ogos 1967 (Pengasas)	3 Oktober 1990
Brunei	7 Januari 1984	30 September 1991
Vietnam	28 Julai 1995	10 November 1991
Kemboja	30 April 1999	19 Julai 1958
Laos	23 Julai 1997	25 April 1961
Burma	23 Julai 1997	8 Jun 1950

Sumber: Ridzuan et al. (2019).

Sokongan China tersebut telah memberikan isyarat bahawa China sudah bersedia untuk terlibat aktif dalam hubungan vis-à-vis rantau. Sebelum ini China mengamalkan dasar pintu tertutup dan menganggap sebarang kerjasama secara kolektif di Asia Tenggara merupakan alat kepada barat seperti ASEAN. Penglibatan dan sokongan China adalah parameter kepada kejayaan ZOPFAN kerana China merupakan jiran serantau, terlibat dalam konflik IndoChina dan penaung kepada gerakan komunis di rantau Asia Tenggara. Walaupun yang demikian, dalam aspek kedaulatan dan tuntutan wilayah, China bertidak agresif di Laut China Selatan sehingga mewujudkan ancaman dan risiko di rantau Asia Tenggara. Hal ini menyebabkan Malaysia masih curiga dan berwaspada dengan China walaupun hubungan normalisasi telah dijalinkan.

### ***Era pragmatism dan kewaspadaan politik***

Ketika era 1980-an telah berlaku dua peristiwa penting iaitu yang pertama ialah reformasi dasar China dan yang kedua hubungan strategic triangular powers antara Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China. Amnya ketika era ini merupakan fasa kedua persaingan ideologi tiga buah kuasa besar tersebut sehingga Kesatuan Soviet jatuh pada tahun 1990. Senario pola hubungan tiga penjuru telah mempengaruhi kepada dinamisme penstrukturan dasar luar Malaysia terhadap China. Kematian Mao Zedong pada 9 September 1976 telah menyebabkan Deng Xiaopeng bertindak sebagai de facto leader. Beliau mengaplikasikan Dasar Reformasi Pasaran yang telah banyak mengubah hubungan kuasa besar tersebut dengan dunia. Sebagai contohnya pertama kali dalam sejarah moden, China menyertai komuniti antarabangsa dalam merealisasikan Special Economic Zone (SEZ), Export Processing Zone (EPZ) dan menyertai Keystone Internasional Economic Organisations (KIEOs) seperti United Nations Development Program (UNDP), Bank Dunia dan International Monetary Fund (IMF). Antara tujuan penubuhan kedua-dua zon dan penyertaan dalam organisasi kewangan antarabangsa ialah menggalakan pertukaran teknologi dan kepakaran dengan semua negara melalui sistem terbuka. Situasi tersebut membuktikan apa sahaja yang memanfaatkan China dalam aspek ekonomi akan menjadi dasar luar kepada negara komunis tersebut.

Ketika era 70-an walaupun Malaysia telah menjalankan hubungan normalisasi dengan China, namun Malaysia masih lagi berhati-hati dengan China. Selain daripada isu Perang Dingin, tindakan agresif China di Laut China Selatan telah menyebabkan Malaysia masih lagi menganggap China sebagai musuh dalam aspek strategi keselamatan. Kuasa besar tersebut telah menceroboh Pulau Robert dan menghalau keluar tentera Vietnam di Fiery Cross Reef sehingga menyebabkan 72 orang tentera Vietnam mati dalam pertembungan tersebut. Tindakan China dalam isu IndoChina dan Laut China Selatan telah meningkatkan lagi persepsi negatif Malaysia terhadap China. Disebabkan itu, Ghazali Shafie menegaskan Beijing mempunyai cita-cita yang berbahaya dan tindakan China di Kepulauan Spratly sebagai satu bentuk ancaman yang serius (Shafie, 1982). Buat pertama kali, Malaysia bertindak tegas dengan mendakwa dan menuntut bahawa 200 batu nautika daripada kawasan Zon Ekonomi Eklusif yang terdiri daripada 12 pulau yang ada dalam kawasan tersebut adalah milik Malaysia. Pada masa yang sama, Malaysia juga buat pertama kali meletakkan tentera laut di Pulau Layang-Layang pada tahun 1983 manakala Terumbu Matani dan Terumbu Ubi pada tahun 1986. Refleksi daripada tindakan Malaysia, menyebabkan China berasa tidak senang dan telah menghantar surat bantahan kepada Wisma Putra. Beijing telah menegaskan negara tersebut mempunyai hak kewilayahan terhadap Pulau Nansha dan pulau-pulau kecil yang berdekatan serta sumber alam semula jadi yang ada di kawasan tersebut.

Walaupun yang demikian ketika awal era 1980an, telah bermula era baharu kepada China apabila kuasa besar tersebut mula menjalinkan hubungan baik-baik dengan musuh seperti Kesatuan Soviet dan Amerika Syarikat. China menegaskan bahawa tidak akan mengimport mahupun mengeksport fahaman komunis serta tidak masuk akan masuk campur tangan urusan dengan mana-mana negara walaupun berkongsi ideologi yang sama dengan negara tersebut (Ridzuan et al., 2024). Kedinamikan perubahan hubungan tiga penjuru kuasa-kuasa besar iaitu Kesatuan Soviet, Amerika Syarikat dan China telah menyebabkan suasana politik antarabangsa berubah daripada tegang kepada harmoni dan aman. Tidak dinafikan bahawa terdapat konflik yang masih berlaku seperti di IndoChina namun keadaan tidak setegang seperti era 1950an. Suasana politik

antarabangsa dan perubahan dasar luar China memberikan impak positif kepada dasar luar Kuala Lumpur terhadap Beijing. Malaysia meningkatkan hubungan dan kerjasama ekonomi dengan China sehingga wujud harmony interest antara kedua-dua buah negara. Ketika China merencanakan pembangunan ekonominya, telah berlaku kelembapan ekonomi dan sikap berat sebelah Amerika Syarikat terhadap Malaysia daripada segi perdagangan dan pasaran. Perkara ini telah menyebabkan Malaysia menjalankan dasar Buy British Last. Manifestasi daripada polemik tersebut, mendorong Malaysia menjalankan Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1982. Antara tujuan dasar ini adalah bertujuan untuk membangunkan ekonomi negara dengan model dan rakan dagang baharu yang terdiri daripada Jepun dan Korea Selatan. Dasar Pandang ke Timur tidak melibatkan China kerana Mahathir merasakan ketika era tersebut China baharu sahaja memamaskan enjin pembangunan ekonomi negara sedangkan Jepun sudah lebih maju ke hadapan.

### ***Era pengukuhan kerjasama dan strategik***

Pada era 2000an telah berlaku dua peristiwa penting yang telah menstrukturkan semula sistem politik antarabangsa iaitu dasar War on Terror Amerika Syarikat dan penyertaan China dalam World Trade Organisation (WTO). Kedua-dua fenomena tersebut menyebabkan rantau Asia Tenggara sekali lagi menjadi medan persaingan kuasa-kuasa besar seperti yang berlaku ketika era Perang Dingin. Seperti yang diujahkan sebelum ini ketika era Perang Dingin, rantau Asia Tenggara tidak menjadi keutamaan Amerika Syarikat berbanding Eropah dan Timur Tengah walaupun terdapat dua perang yang berlaku iaitu Perang Korea (1950-1953) dan Perang Vietnam (1965-1975). Peristiwa tersebut menyebabkan Amerika Syarikat tidak berjaya membentuk strategi untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara selepas berakhirnya Perang Dingin. Namun begitu selepas serangan di World Trade Centre pada 11 September 2001, kepentingan rantau Asia Tenggara telah berubah daripada benign neglect kepada second front. Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi tindakan Amerika Syarikat terhadap rantau Asia Tenggara iaitu pertama membendung penyebaran pengaruh Al-Qaeda. Sekiranya kumpulan Al-Qaeda berjaya menembusi Indonesia iaitu negara Islam terbesar di dunia dan bergabung dengan Jemaah Islamiah (JI) menyebabkan ancaman pengganas antarabangsa tidak dapat dibendung lagi. Kedua, kepentingan Selat Melaka kerana serangan pengganas terhadap selat tersebut memberikan kesan negatif kepada kepentingan Barat. Ketiga, meningkatkan peranan Amerika Syarikat dan mengimbangi pengaruh China. Negara-negara di rantau Asia Tenggara lebih gemar dan selesa menjalankan kerjasama berbentuk multilateral dengan negara-negara yang meningkat naik seperti China, Brazil dan India berbanding Amerika Syarikat yang mengaplikasikan dasar unilateral. Limpahan ekonomi dan penglibatan aktif China melalui mulin zheng ci (dasar jiran yang baik) dengan pantas telah mengisi kelompangan kuasa besar di rantau Asia Tenggara yang sudah lama ditinggalkan oleh Amerika Syarikat. China mula menjadi enjin pertumbuhan ekonomi rantau bermula pada tahun 2004 ketika di bawah kepimpinan Hu Jintao iaitu Presiden China ke-6. Berdasarkan laporan statistik Bank Dunia kepesatan perkembangan ekonomi China telah menyumbang sebanyak 13% kepada pertumbuhan ekonomi dunia.

Walaupun yang demikian kepesatan ekonomi China telah mewujudkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat antarabangsa dan disebabkan itu Hu Jintao menegaskan dasar luar China adalah berasaskan heping-fazhan iaitu pembangunan secara aman. Buktinya apabila China menandatangani dua perjanjian iaitu Treaty of Amity and

Cooperation (TAC) dan Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DoC) untuk mengurangkan ketegangan isu di Laut China Selatan pada tahun 2004. Sebelum wujudnya dasar heping-fazhan, China tidak pernah bersetuju untuk menandatangani mana-mana perjanjian dan menunjukkan sebarang komitmen Confidence Building Measures (CBM) melibatkan isu di Laut China Selatan. Kesungguhan China ini membuktikan bahawa kuasa besar tersebut jujur dalam mengadaptasi dasar jiran yang baik dan bukan sekadar retorik semata-mata. Kajian mendapati bahawa selepas 10 tahun China dan ASEAN mengadakan perbincangan untuk menguruskan isu-isu sensitif di Laut China Selatan akhirnya Beijing bersetuju menandatangani kedua-dua perjanjian tersebut. Peristiwa tersebut secara tidak langsung membuktikan China mula berkompromi dengan kedaulatan wilayahnya berbanding era Perang Dingin. Namun begitu, masih berlaku pergeseran dalam kalangan negara penuntut di Laut China Selatan. Pada bulan Mei tahun 2003, Angelo Reyes iaitu Setiausaha Pertahanan Filipina menuduh China tidak menghormati perjanjian DoC kerana meletakkan tanda sempadan dan menghantar tentera lautnya ke pulau-pulau kecil yang menjadi perebutan. Walaupun begitu kebimbangan negara-negara di rantau Asia Tenggara telah diimbangkan dengan kepesatan ekonomi kuasa besar tersebut. Pasaran domestik China yang luas dan kemampuan industrinya untuk bersaing dengan kuasa-kuasa Barat seperti Amerika Syarikat, Britain dan Kesatuan Eropah telah memberikan China kuasa tawar-menawar yang lebih tinggi dengan mana-mana negara di rantau Asia Tenggara. Senario tersebut disebabkan sejak tiga puluh tahun yang lalu, China menerima kemasukan Foreign Direct Investment (FDI) berjumlah AS\$ 600 bilion. Keluaran Negara Kasar (KDNK) China berkembang dengan pesat daripada AS\$ 362.4 bilion pada tahun 1978 kepada AS\$ 13.7 trilion pada tahun 2004 dan terus meningkat kepada AS\$ 24.7 trilion pada tahun 2007 dan merupakan perkembangan yang terbesar dalam sistem ekonomi antarabangsa.

Persaingan great power politics antara Amerika Syarikat dan China iaitu heping-fazhan di rantau Asia Tenggara menyebabkan Malaysia bertindak secara pragmatik dan idealistik. Hal ini kerana Malaysia memerlukan China untuk pasaran dan perdagangan bebas; Malaysia juga pada masa yang sama memerlukan Amerika Syarikat untuk mengimbangi strategi China di perairan Laut China Selatan (Ridzuan et al., 2022). Refleksi daripada peristiwa tersebut menyebabkan Abdullah mengaplikasikan multilateral binding dengan mencadangkan penubuhan East Asia Summit (EAS) bagi mengikat China dan Amerika Syarikat ke dalam ASEAN dengan menggunakan ASEAN Way. Antara objektif EAS ialah meningkatkan hubungan ekonomu, mempromosikan keamanan disamping mengekalkan kestabilan rantau. Ketika berlangsungnya persidangan ASEAN + 3 Summit (APT) pada November 2004 di Phnom Penh, Malaysia telah mencadangkan penubuhan EAS dan menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah persidangan tersebut di Kuala Lumpur. China merupakan kuasa besar pertama yang menyambut baik cadangan Malaysia diikuti dengan negara anggota ASEAN yang lain. Pendirian Malaysia untuk EAS ialah sebagai titik permulaan peningkatan kerjasama integrasi dengan komuniti negara-negara Asia Timur dan kuasa-kuasa Barat. Bagi China pula melalui EAS dapat memperluaskan lagi pengaruhnya di rantau Asia Tenggara. Pada tahun 2005 secara rasmi Malaysia menjadi tuan rumah buat kali pertama persidangan EAS yang dianggotai oleh Amerika Syarikat, Australia, New Zealand, Rusia, Jepun, Korea Selatan dan negara anggota ASEAN. Analisis mendapati bahawa penubuhan EAS merupakan kejayaan besar kepada Malaysia dalam mengimbangi kuasa-kuasa besar dan mengikat mereka untuk mengikut norma dan nilai

ASEAN. Alagappa (2013) berhujah, “Is to avoid permanent alliance and alignment and ensure Southeast Asia is not dominated by any single power”. Malaysia telah berjaya mengumpulkan semua negara yang berpotensi untuk menjalankan keseimbangan terhadap satu sama lain seperti China, Jepun, Korea Selatan, New Zealand dan Rusia. Kajian berhujah sedemikian kerana melalui EAS buat pertama kali kuasa-kuasa besar tersebut duduk semeja membincangkan isu-isu sensitif untuk kebaikan rantau. Analisis turut mendapati bahawa EAS merupakan salah satu kejayaan besar Malaysia dalam strategi diplomasi kerana sebelum ini usaha Kuala Lumpur mewujudkan EAEG dan EAEC tidak berjaya direalisasikan.

## **Kesimpulan**

Dari era permusuhan Malaysia terhadap China berubah kepada era normalisasi sehingga membawa kepada era pengukuhan kerjasama dan strategik telah membuktikan bahawa ASEAN sentiasa menjadi batu loncatan kepada penstrukturan dasar luar Malaysia terhadap China. Hal ini kerana ASEAN sentiasa konsisten dalam mengadaptasi pelbagai mekanisme dan usaha bagi memastikan keseimbangan politik, ekonomi dan keamanan di rantau Asia Tenggara. Daripada perspektif yang berbeza ia mencerminkan semangat ASEAN dan rasa kekeluargaan antara ahlinya. Hal ini dapat dibuktikan apabila ASEAN menerapkan 5C iaitu, Consultation, Caring, Consensus, Cornerston dan Consolidation. Sebagai contoh Consultation ialah salah satu aspek pembuatan keputusan dalam kalangan para pemimpin negara ASEAN melalui hubungan dan rundingan yang konsisten untuk mencapai persetujuan secara kolektif. Caring adalah perasaan kebimbangan dan setiap negara ASEAN perlu memiliki semangat tinggi serta sentiasa memikirkan kepentingan ASEAN selain daripada kepentingan individu mereka. Cornestone adalah hala tuju yang diperlukan oleh setiap negara ASEAN bagi menstrukturkan dasar luar negara mereka sebagai sebuah negara ASEAN berdasarkan semangat ASEAN. Malaysia secara konsisten telah menjadikan ASEAN sebagai mekanisme utama dalam penstrukturan dasar luar negara bukan sahaja demi kepentingan dan manfaat nasional semata-mata. Hal ini kerana Malaysia menggunakan ASEAN untuk mengikat kuasa-kuasa besar untuk mengikut acuan ASEAN dan negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara lebih neutral dan kolektif agar rantau ini tidak menjadi medan persaingan kuasa-kuasa besar yang akhirnya memberikan impak negatif terhadap kestabilan rantau. Sehingga kini, konsep ZOPFAN berjaya menjadi satu-satunya alat diplomasi serantau yang digunakan dalam menyediakan mekanisme dan proses penyelesaian aman dalam sebarang pertikaian. ASEAN bukan sahaja menjadi organisasi atau badan untuk menjalinkan kerjasama dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara, tetapi juga telah menjadi organisasi penting bagi negara-negara Asia Timur mahupun dunia.

## **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

## **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- [1] Acharya, A. (2023): A multiplex world: the coming world order. – *Emerging World Order After the Russia-Ukraine War* 7p.
- [2] Alagappa, M. (2013): Developing a strategic relationship with China. – *The Edge Malaysia* 2p.
- [3] Kissinger, H. (1987): East Asia, the pacific and the west: Strategic trends and implications: Part I. – *Adelphi Papers* 27(216): 3-10.
- [4] Ikhrum, M., Ikkal, M. (2021): Hubungan Normalisasi Malaysia dengan China: Hujahan Realisme Neoklasik Dalam Menganalisis Keputusan Tun Abdul Razak. – *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48(1): 123-150.
- [5] Marwan, N.H., Ya'akub, A.N., Aini, N. (2017): Embracing ASEAN Community: Malaysia, Indonesia and Brunei Youth Perspective. – *Journal of Borneo-Kalimantan* 2(2): 11p.
- [6] Ridzuan, M.I.M., Huda, M.I.M., Daud, S. (2019): Enam dekad grand strategy Malaysia terhadap China (1957-2018): Dasar luar negara membangun terhadap negara kuat. – *WILAYAH: The International Journal of East Asian Studies* 8(1): 31-44.
- [7] Ridzuan, M.I.M., Huda, M.I.M., Kamaruddin, N., Zulkifli, N. (2022): Dasar Luar Malaysia Terhadap China Sehingga Era Pentadbiran Pakatan Harapan: Membina Saling Percaya dalam Situasi Geopolitik yang Berubah. – *Akademika* 92(2): 207-220.
- [8] RIDZUAN, M.I.M., JAMBOL, D.J.A., ZULKIFLI, N., ABDULLAH, Z. (2024): INTERDEPENDENCY AND RELIABILITY IN MALAYSIA-CHINA RELATIONS AMIDST THE BALANCE OF THREAT. – *Quantum Journal of Social Sciences and Humanities* 5(5): 1-10.
- [9] Ridzuan, M.I.M., Ma'dan, M. (2023): Abdullah Badawi's foreign policy towards China: Three-level analysis of a pragmatic and idealistic diplomacy strategy in a two-way cooperation. – *Journal of International Studies* 19(1): 145-168.
- [10] Shafie, M.G. (1982): Malaysia: International Relations. – *Creative Enterprise* 328p.